

16 JUL 2000

Sukan-Asia (Pemeriksaan)/I

DELEGASI OCA TIBA ESOK UNTUK PEMERIKSAAN

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kuala Lumpur, bandaraya yang menawarkan diri sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006, akan berhadapan dengan ujian pertama apabila satu pasukan pemeriksa asing meneliti kemudahan-kemudahan sukan selama dua hari mulai esok.

Dua setengah jam selepas tiba dari New Delhi, Jawatankuasa Penilaian Majlis Olimpik Asia (OCA) yang diketuai oleh naib presidennya Muhammad Latif Butt, akan terus ke Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Pada pemeriksaan yang dijadualkan selama sejam itu, jawatankuasa OCA akan dibawa melawat stadium akuatik, pusat skuasy, stadium hoki dan bangunan Majlis Sukan Negara (MSN).

Selain Muhammad Latif, empat anggota jawatankuasa lain terdiri daripada pegawai kewangan OCA Santiparb Tejavaniya, Mikako Sugiura, pengerusi jawatankuasa atlit, Dr Muwaffak Fawaz, seorang anggota Jawatankuasa Sukan dan Vinod Tiwari, pengurus perhubungan antarabangsa yang bertindak sebagai penyelarass.

Di samping Kompleks Nasional, jawatankuasa itu juga dijadual melawat Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu tapak perkampungan sukan dan tapak cadangan gelanggang tenis.

Kemudahan lain yang akan dilawati ialah Pusat Latihan Petronas, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Stadium Shah Alam Stadium, Pusat Akuatik Shah Alam dan Pyramid Bowl.

Jawatankuasa berkenaan kemudiannya akan menghadiri jamuan malam bersama Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein yang juga pengerusi bersama Jawatankuasa Penawaran Kuala Lumpur 2006 di Menara Berkembar Petronas.

Pada Selasa, jawatankuasa itu dijadual membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya pada sebelah tengah hari.

Jawatankuasa itu kemudian akan melawat Pusat Konvensyen Mines, menaiki LRT dari stesen Sri Petaling ke stesen Bandar Tun Razak.

Mereka juga akan melawat velodrom bandaraya, Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) dan makan tengah hari bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamarulzaman Sharif di Menara Kuala Lumpur.

Jawatankuasa itu mengakhiri lawatan di sini dengan menghadiri jamuan malam anjuran Majlis Olimpik Malaysia (OCM) di Kelab Diraja Selangor.

Sementara itu, anggota Jawatankuasa Penawaran Kuala Lumpur 2006, Sieh Kok Chi berkata lawatan oleh Jawatankuasa Penilaian OCA adalah mandatori menurut prosedur yang ditetapkan bagi setiap bandaraya yang membuat penawaran.

Katanya jawatankuasa itu akan memeriksa dan mendapatkan penjelasan mengenai cadangan-cadangan yang terkandung dalam dokumen penawaran yang dikemukakan oleh Kuala Lumpur kepada OCA pada 28 Jun.

Jawatankuasa itu akan berlepas ke Hong Kong untuk lawatan yang sama sebelum mengemukakan laporan mengenai semua empat bandaraya yang membuat penawaran kepada OCA.

Dua lagi bandaraya yang membuat penawaran ialah Doha (Qatar) dan New Delhi, India.

Delegasi OCA akan mengundi bagi memilih bandaraya tuan rumah pada perhimpunan agung OCA di Pusan City, Korea Selatan pada 12 Nov.

-- BERNAMA

DC LAT

